

Malaysia sentiasa amal kan Islam — Mahathir

UM 22 JUN 2000

KAHERAH 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menghuraikan hakikat kerajaan Malaysia sentiasa mengamalkan Islam dalam pemerintahan negara.

Ketika berucap di hadapan lebih 500 pelajar Malaysia di Mesir yang memenuhi dewan Hotel Sheraton Heliopolis di sini, Perdana Menteri berkata, beliau sedikit pun tidak berna bersalah kerana mengambil kira keadaan persekitaran dalam mentadbir negara.

“Pemerintah Malaysia

adalah pemerintah yang bertakluk kepada Islam.

“Saya boleh pertahankan semua yang saya lakukan, yang semuanya mengikut kehendak Islam,” katanya sambil menekankan bahawa beliau mengambil kira keadaan setelah menyedari Islam menuntut kebijaksanaan dalam memerintah.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan menerima pakai Perlembagaan disebabkan oleh keadaan termasuklah rdkyatnya yang pelbagai anutan agama dan kaum.

“Namun, walaupun kita tidak boleh membuat sesuka hati, ia tidak pula bermakna kita membelakangkan Islam,” tegasnya semasa sesi soal jawab dengan para penuntut yang kebanyakannya belajar di Universiti Al-Azhar.

Ketika ini terdapat 5,672 penuntut Malaysia di Mesir dan 5,656 orang daripadanya berada di Al-Azhar, mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, mengikut Islam,

Malaysia sebenarnya telah berjaya memastikan tidak wujud rusuhan di antara Islam dan bukan Islam di Malaysia yang sebenarnya sukar dilihat di negara lain.

“Saya tidak berasa bersalah atau berdosa kerana kerajaan mengambil kira keadaan dan suasana sekitar,” jelasnya.

Menjawab satu pertanyaan lain daripada pelajar kononnya ramai ulama kalah pada pilihan raya umum lepas, Dr. Mahathir menegaskan beliau berpendapat ba-

hawa Islam sebenarnya terus menang dalam pilihan raya umum.

“Islam menang dalam pilihan raya umum lalu, percayalah, kerana yang hanya boleh melakukan sesuatu untuk Islam (di Malaysia) hanyalah LJMNO.

“Jadi Islam menang kerana UMNO menang,” kata Dr. Mahathir sambil menambah kerajaan Malaysia sama sekali tidak meragui bahawa Islam adalah jalan yang perlu dipilih.” jelasnya. — *Utusan*